

Perlukah kembali semula subsidi minyak?

Oleh **FADZIL ZAINOL**
ekonomi@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 1 JAN.**

PENGUKUHAN semula harga minyak dunia semestinya mendatangkan perasaan kurang senang dalam kalangan rakyat setelah dua tahun menikmati paras harga petrol yang rendah, namun timbul isu sejauh manakah kepentingan untuk mengembalikan semula subsidi petrol.

Harga minyak dunia kini berlegar sekitar AS\$55 (RM246.73) setong, meningkat daripada purata bawah AS\$50 (RM224.31) setong antara Januari hingga November lalu.

Peningkatan itu didorong oleh tindakan Pertubuhan Negara-negara Pengeksport Petroleum (OPEC) dan ahli bukan OPEC yang ber-setuju untuk mengurangkan pengeluaran minyak masing-masing bermula 1 Januari 2017.

Para penganalisis industri meramalkan harga minyak

akan terus meningkat sebaik sahaja pengurangan itu dikuatkuasakan. Malah, kemerosotan nilai ringgit juga kini diambil kira dalam membuat penetapan harga petrol setiap bulan.

Namun adakah kerajaan kini perlu mempertimbangkan semula pengenalan subsidi petrol bagi menjaga sentimen rakyat yang kini berdepan tekanan dari segi kenaikan kos hidup serta ketidak-tentuan peluang pekerjaan. Tambahan pula penggunaan



YEAH KIM LENG

domestik merupakan penjana utama ekonomi negara.

Pensyarah Ekonomi Sunway University Business School, Dr. Yeah Kim Leng berkata, pengenalan semula subsidi mungkin boleh dilakukan tetapi tidak secara menyeluruh sehingga boleh dinikmati oleh golongan berpendapatan tinggi.

"Dinasihatkan subsidi petrol tidak diperlukan kerana ia boleh menjejaskan perbelanjaan kerajaan. Kerajaan sudah menyediakan Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) dan pembinaan aliran transit massa (MRT)

sebagai alternatif.

"Kalau mahu juga, strukturnya perlu dikaji agar tidak menyeluruh. Cara lain adalah mengalihkan subsidi petrol kepada bantuan tunai seperti BR1M atau dibelanjakan untuk menaikkan tahap kemudahan pengangkutan awam," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini baru-baru ini.

Kerajaan sebelum ini mencadangkan kumpulan berpendapatan melebihi RM10,000 sebulan tidak menerima subsidi petrol. Individu berpendapatan kurang RM5,000 sebulan pula diberi subsidi penuh, manakala berpendapatan menengah RM5,000 hingga RM10,000 menerima subsidi pada kadar lebih rendah.

**OPEC,
bukan OPEC
setuju kurangkan
pengeluaran minyak
bermula 1 Januari 2017**

- Langkah itu dipercayai terus menaikkan harga minyak dunia.
- Harga minyak berlegar sekitar AS\$55 setong, tertinggi sejak Julai 2015.
- Pemberian subsidi boleh jejakkan perbelanjaan kerajaan.

